



TH PLANTATIONS BERHAD  
Registration No. 197201001069 (12696-M)

## SIARAN MEDIA

### TH PLANTATIONS CATAT UNTUNG SEBELUM CUKAI (USC) TERTINGGI DALAM TEMPOH SEDEKAD

#### Isytihar Dividen 50% Lebih Tinggi

**Kuala Lumpur, 28 Februari 2025** – TH Plantations Berhad (“THP” atau “Kumpulan THP”) mencatatkan prestasi kewangan yang kukuh dalam tahun kewangan 2024 (TK2024), dengan Untung Sebelum Cukai (USC) sebanyak RM160.42 juta, jumlah tertinggi dalam tempoh 10 tahun. Pendapatan dicatat sebanyak RM877.73 juta, iaitu rekod kedua tertinggi dalam dekad ini, disokong oleh peningkatan jumlah jualan minyak sawit mentah (CPO) dan isirung sawit (PK), serta harga purata jualan produk minyak sawit yang lebih kukuh.

Pengerusi THP, Datuk Dr. Ahmad Kushairi bin Din, berkata, “Mengiktiraf pencapaian ini, Lembaga Pengarah telah mengisytiharkan dividen keseluruhan sebanyak 3.00 sen sesaham, iaitu peningkatan sebanyak 50% berbanding tahun sebelumnya, sekaligus mengukuhkan komitmen kami dalam memberikan nilai kepada pemegang saham. Keputusan kewangan cemerlang THP bagi TK2024 mencerminkan keberkesanan operasi kami, yang selari dengan pelan strategik perniagaan THP.”

Margin USC Kumpulan bagi TK2024 meningkat sebanyak 60%, sementara Pendapatan Sesaham (EPS) meningkat dua kali ganda kepada 6.47 sen daripada 3.29 sen, menunjukkan peningkatan keberuntungan yang ketara.

Dalam suku keempat TK2024, THP mencatatkan pendapatan sebanyak RM270.40 juta, peningkatan sebanyak 24.9% daripada RM216.50 juta dalam tempoh yang sama bagi tahun sebelumnya. Prestasi kukuh dalam suku keempat ini disebabkan oleh harga jualan yang lebih tinggi bagi CPO, PK dan tandan buah segar (FFB).

“Keputusan TK2024 mencerminkan kejayaan tahun pertama pelaksanaan **Al-Falah 22/22**, iaitu Pelan Strategik Perniagaan 5 Tahun THP (2024 – 2028). Pencapaian ini mengukuhkan hala tuju pertumbuhan jangka panjang THP, didorong oleh penambahbaikan operasi yang berterusan serta pengurusan kos yang berdisiplin,” kata Encik Mohamed Zainurin Mohamed Zain, Ketua Pegawai Eksekutif THP.

Sebagai perancangan masa depan, kami akan terus memberi tumpuan terhadap pemantapan kecekapan operasi, menangani cabaran pasaran dan mencipta nilai jangka panjang, dalam semangat **Ukhwah** – usaha kolaboratif ke arah komitmen bersama, menuju kecemerlangan.

**TH PLANTATIONS BERHAD (197201001069 (12696-M))**

Tingkat 23, Menara TH Selborn  
153, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur  
Tel: 03 2603 4800 Fax: 03 26034693





**TH PLANTATIONS BERHAD**  
Registration No. 197201001069 (12696-M)

## SIARAN MEDIA

### Mengenai THP

Sebagai cabang perladangan Lembaga Tabung Haji, THP terlibat dalam penanaman kelapa sawit, getah dan pokok jati. Ia pertama kali diperbadankan pada tahun 1972 sebagai Perbadanan Ladang-Ladang Tabung Haji Sendirian Berhad dan disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad pada 27 April 2006.

Sehingga kini, THP memiliki lebih daripada 97,000 hektar tanah perladangan; yang merangkumi 38 ladang dan 6 kilang di Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak serta Kalimantan, Indonesia. Pada tahun 2024, THP telah menghasilkan 809,519 MT tandan buah segar (FFB).

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

*Asmad Putra bin Abdul Samad*

*Ketua, Perhubungan Pelabur & Komunikasi Korporat TH Plantations Berhad*

*Tel: +603 2603 4774 Mobile: +60123785701*

*Email: [asmadputra@thplantations.com](mailto:asmadputra@thplantations.com)*

**TH PLANTATIONS BERHAD (197201001069 (12696-M))**

**Tingkat 23, Menara TH Selborn**

**153, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur**

**Tel: 03 2603 4800 Fax: 03 26034693**

